

MAHATHIR - APARTHEID

(I)

KUALA LUMPUR, 5 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA REGIM PRETORIA BUKANLAH REGIM YANG TIDAK BERPERASAAN TETAPI REGIM YANG TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN DAN BERBENTUK PERKAUMAN.

BELIAU BERKATA REGIM DI AFRIKA SELATAN HANYA MENGENALI KEKERASAN.

+JIKA KITA PERLU MENENTANG KEZALIMAN DENGAN KEKERASAN, MAKA INILAH MASA UNTUK BERBUAT DEMIKIAN KERANA MEMANDANGKAN NYAWA RAKYAT KULIT HITAM AFRIKA SELATAN +BERNILAI+ DIKORBANKAN UNTUK TUJUAN ITU SAMA JUGA SEPERTI NYAWA ORANG LAIN,+ KATANYA SEWAKTU MERASMIKAN PERSIDANGAN KEMUNCIAK KE-2 SELATAN-SELATAN DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA BUKANLAH PEMBUNUHAN ATAU MEMBALAS DENDAM YANG DIMINTA TETAPI APA YANG DIMINTA DARIPADA NEGARA-NEGARA YANG BERKEUPAYAAN IALAH SEKATAN TERHADAP AFRIKA SELATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MASYARAKAT KULIT HITAM AFRIKA SELATAN SEDIA MENANGGUNG PENDERITAAN AKIBAT SEKATAN ITU.

+MEREKA MEMINTA SEKATAN TETAPI MENGAPAKAH KITA MEMBERI ALASAN BAHAWA KITA HENDAK MENYELAMATKAN MEREKA DARIPADA APA YANG MEREKA SEDIA MENANGGUNGNYA?+ -- LAGI.

1518MST 05 05 86

D779

U B130 AAB

MAHATHIR - APARTHEID 2 KUALA LUMPUR

(I)

+NEGARA YANG MENGAMBIL TINDAKAN KETENTERAAN TERHADAP KERAJAAN YANG DIKATAKAN MENYOKONG KEGANASAN MENGAMALKAN DIPLOMASI SECARA HALUS BERHUBUNG DENGAN KEGANASAN YANG DILAKUKAN SECARA TERBUKA OLEH KERAJAAN AFRIKA SELATAN.

+KAMI TIDAK MENGHARAPKAN REGIM PRETORIA DISERANG KERANA KAMI TIDAK MENYOKONG TINDAKAN SEPERTI ITU,+ KATA PERDANA MENTERI.

+ADAKAH NYAWA RAKYAT KULIT HITAM AFRIKA BEGITU MURAH ATAU PELABURAN DI AFRIKA SELATAN YANG MENGUNTUNGAN?+ TEGAS BELIAU.

KATANYA, APABILA MALAYSIA MENGUTUK REGIM PERKAUMAN DI AFRIKA SELATAN PADA PERTENGAHAN TAHUN 60-AN DAN MENDESAK AFRIKA SELATAN DISINGKIRKAN DARIPADA KOMANWEL JIKA MENERUSKAN PENINDASAN RAKYAT KULIT HITAM DAN DASAR APARTHEID, IA DIBERITAHU BAHAWA TINDAKAN SEUMPAMA ITU MERUGIKAN MASYARAKAT KULIT HITAM NEGARA ITU.

KINI, KATANYA, ALASAN YANG SAMA KEDENGARAN PADA PERSIDANGAN KEMUNCIAK KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL DI NASSAU, BAHAMA APABILA ADA SUARA YANG MENDESAK PERTUBUHAN ITU MENGENAKAN SEKATAN TERHADAP AFRIKA SELATAN. -- LAGI.

1533MST 05 05 86

D780

U B131 AAB

MAHATHIR - APARTHEID 3 KUALA LUMPUR

(I)

PERDANA MENTERI BERKATA, +ADAKAH KITA BENAR-BENAR PERCAYA BAHAWA KEADAAN RAKYAT KULIT HITAM AFRIKA SELATAN LEBIH BAIK DARI DAHULU JIKA AFRIKA SELATAN MASIH BERADA DALAM KOMANWEL?

+ADAKAH KEHIDUPAN MEREKA KINI TERJAMIN KERANA KITA TIDAK MENGENAKAN SEKATAN?

ADAKAH PEMBUNUHAN, PENINDASAN DAN PENYIKSAAN RAKYAT KULIT HITAM SEKARANG MERUPAKAN BUKTI BAHAWA KEADAAN MEREKA LEBIH BAIK KERANA SEKATAN TIDAK DIKENAKAN?

ADAKAH NELSON MANDELA DIBEBASKAN KERANA SEKATAN TIDAK DIKENAKAN? APAKAH STEVE BIKO MASIH HIDUP SEKARANG?+ -- BERNAMA.

1534MST 05 05 86